

GLOBALISASI DALAM TEKNOLOGI MAKLUMAT: TUMPUAN TERHADAP DAKWAH MELALUI BIOGRAFI WANITA

Nurol Halimatulwara' binti Haji Mumin¹
Lilly Suzana binti Shamsu²
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

ABSTRAK

Globalisasi merupakan satu fenomena yang memukau pemikiran manusia serta memiliki pengaruh yang sangat signifikan dalam kehidupan bermasyarakat. Akibat dari kepantasan globalisasi telah menjadikan dunia ini mengecil dari sudut perhubungan manusia. Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti isu penyebaran biografi wanita yang tersebar melalui teknologi maklumat yang tidak ada keabsahan mengenainya serta membincangkan instrument penyemakan dan penyelesaian sebagai tindakan serta merta disebabkan permasalahan yang timbul. Fenomena ini terjadi disebabkan kepesatan dan kecanggihan teknologi maklumat selaku agen dalam proses penyebaran fahaman bukan bersumber dari Al-Quran dan Hadis Sahih. Ia tersebarluas dengan pantas melalui proses globalisasi, khususnya globalisasi budaya dan ideologi. Justeru kekuatan intelek memahami al-Qur'an yang selari dengan kehendak semasa amat penting dalam menghadapi tentangan pemikiran yang menyimpang daripada kehendak al-Qur'an. Metode kajian dalam studi ini adalah secara penelitian dan kritikan teks. Sementara skop kajian adalah riwayat kelebihan wanita yang tersebar sebagai dakwah melalui dunia siber. Sebanyak tiga riwayat yang dianggap sangat popular akan dianalisa dari segi keabsahan dan autorotinya sebagai sumber yang boleh di pegang. Hasil dari kajian ini akan mendedahkan keperluan dan instrumen untuk memahami kaedah dalam beinteraksi dengan riwayat yang tiada sumber.

Kata Kunci: *Globalisasi, Dakwah, intrumen, keabsahan*

PENDAHULUAN

Pendekatan dakwah Islam dalam era kini berhadapan dengan konspirasi cabaran dan tantangan. Ilmu teknologi maklumat dasarnya dipelopori oleh dunia barat dan permintaan organisasi terhadap kemahiran human skills dalam bidang ini kian meningkat semenjak pengintegrasian teknologi maklumat dengan komunikasi tiga abad yang lalu.

Teknologi maklumat dan komunikasi adalah sangat sinonim dalam kehidupan masyarakat kini. Keduanya sering dikaitkan dengan dunia dihujung jari di mana penggunaan teknologi maklumat dalam media sosial contohnya mempunyai pelbagai akses seperti facebook, twitter, telegram, Instagram, WhatsApp dan lain-lain menjadi alat perhubungan semasa. Tambahan lagi aplikasi-aplikasi yang sedia ada telah dipermudahkan untuk dimuat naik kedalam telefon pintar. Siaran langsung televisyen, siaran ulangan televisyen, radio, video

¹ Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

² Phd, Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

semakin mudah diakses dimana-mana pada bila-bila masa. Trend yang hebat pada masa kini adalah aplikasi muat turun kitab-kitab turath dan kitab-kitab moden ke dalam telefon pintar. Keadaan ini memperlihatkan keadaan masyarakat yang bergerak lebih pantas dan sempurna dalam mengendalikan menyimpan data-data, mendapatkan maklumat dan menyebarkan maklumat.

Pengintergrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam kegiatan penyebaran dakwah Islam adalah satu inisitif para daie yang bijak.³ Penggunaan yang bijak dan berhemah dalam aplikasai teknologi kini adalah sangat perlu digalas dalam dunia penyebaran dakwah terdiri dari da'ie, mad'u (sasaran), metode dan uslub dakwah.⁴ Maklumat yang diperolehi boleh disebarkan menggunakan *wasail I'lam* atau cara penyebaran di alam maya atau perkataan trending kini adalah di'viral'kan. Kongsi (share) status semakin mudah dan dunia dakwah semakin rancak dan progresif. Dalam masa yang sama, hal ini juga turut mengundang kesan-kesan negatif dalam masyarakat terutamanya mereka yang kurang pemahaman agama. Justeru, mengutarakan pelbagai isu *waham* atau kesamaran pada penjelasan ajaran agama Islam lalu membuat satu ruang ketidakseimbangan antara pendakwah dengan realiti kehidupan.⁵

Kertas ini akan menyoroti fenomena yang terjadi disebabkan kepesatan dan kecanggihan teknologi maklumat selaku agen dalam proses penyebaran fahaman bukan bersumber dari Al-Quran dan Hadis Sahih.

Adapun isu biografi waniti yang akan dihuraikan dalam kertas kerja ini tertumpu kepada tiga (3) riwayat hadis yang menjadi viral di alam maya namun mengundang kepada kegelisahan mengenai keabsahan hadis tersebut dalam masyarakat Islam serta membincangkan instrument penyemakan dan penyelesaian sebagai tindakan serta merta mengenainya.

DAKWAH DALAM ERA GLOBALISASI

a) Ringkasan sejarah teknologi maklumat

Istilah "teknologi maklumat" muncul pada sekitar dekad 1970-an. Pada abad ke-20, banyak industri bertumbuh dengan pesat dalam membangunkan sektor elektronik, sektor pengkomputeran, dan juga bidang-bidang teknologi yang lain. Penyelidikan dalam bidang jentera dan pengkomputeran dipergiatkan. Hasilnya, J. Presper Eckert dan John Mauchly mencipta sebuah Komputer komersil yang pertama iaitu UNIVAC I untuk kegunaan Biro Banci Amerika Syarikat. Seterusnya, penciptaan mikrokomputer diikuti pula penciptaan komputer peribadi IBM pada tahun 1981. Sejak itu, empat generasi komputer telah berkembang, hinggalah generasi terkini iaitu menggunakan sistem-sistem yang lebih rumit seperti penyepaduan skal sangat besar (VLSI).⁶

³ Hilmi, Earnie Elmie, (2014), Peranan tekno daie dalam berdakwah di era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Hlm 3.

⁴ Mohd Zin, Abd Aziz. (1997) Pengantar Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Hlm.16.

⁵ Hidayat, A. S. (2013). Membangun Dimensi Baru Dakwah Islam: Dari Dakwah Tekstual menuju Dakwah Kontekstual. *Jurnal Risalah*, 24(2), 1–15. Retrieved from <http://ejournal.uinsuska.ac.id/index.php/risalah/article/view/10>

⁶ <https://tutiefrootie.wordpress.com/2015/06/17/sejarah-teknologi-maklumat/> retrieved on 25 Februari 2017.

Beberapa tahun kebelakangan, Index Pembangunan ICT, iaitu alat pengukur kemajuan Teknologi Maklumat menunjukkan peningkatan pengaruh kemajuan teknologi. Antara penyebabnya adalah peningkatan permintaan (*demand*) kepada capaian internet jalur lebar tanpa wayar (*internet*) dan transformasi telefon bimbit kepada pengkongsian maklumat yang cepat dan mudah. Sebagai contoh, perkhidmatan *chat*, telefoni alamat IP, persidangan video, perkongsian data, emel suara dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS), Instagram dan WhatsApp. Teknologi Komunikasi dan Maklumat meliputi telekomunikasi, media sebaran, semua jenis transmisi dan pemprosesan audio dan video, kawalan berasaskan rangkaian dan fungsi pemantauan dan Teknologi Maklumat.⁷

b) Islam dan Teknologi Maklumat dalam era Globalisasi

Dari sejarah ringkas ledakan teknologi maklumat yang memukau manusia, membuktikan ianya hanyalah satu alat yang digunakan untuk menyampaikan maklumat paling cepat. Jika dikaji dalam sejarah pembentukan Islam agama Islam pula, disiplin *tabligh*, menghebahkan, menyampaikan telah bermula sejak turunnya wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad atas dasar sifatnya *Siddiq*, Amanah, *Tabligh* dan *Fatonah*.

Di dalam Al-Quran al-Karim ada menyebutkan 44 ayat yang membicarakan tentang berita (yang mengandungi maklumat). Diantara ayat yang menyebutkan tentang berita dan sangat berkaitan dengan teknologi penghantaran maklumat tercatat dalam surah al-A'raaf ayat 57:

Terjemahannya:

Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering) kontang, lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

Islam menegaskan setiap maklumat yang disampaikan hendaklah bersifat benar dan hak terhindar dari fitnah. Malah Islam memperjelaskan seruan dan ajakan hendaklah dilakukan dengan hikmah dengan menjaga keperibadian da'ie dan mad'u itu sendiri. Firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 125:

Terjemahannya:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang mendapat petunjuk.

⁷ Nik Mohd Firdaus Nik Zainal Abidin, Farahwahida Mohd Yusof, N. H. (2014). Aplikasi Iphone: Antara Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Media Sosial dan Sebaran Dakwah. *Sains Humanika*, 2(1), 41–53. Retrieved from <http://www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/375>. Hilmi, Earnie Elmie, (2014), Peranan tekno daie dalam berdakwah di era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Tugas menyampaikan ilmu, maklumat, berita bukan setakat kewajiban keatas Rasulullah *Salallahu 'Alaihi Wasalam*, para ulama dan cendikiawan semata-mata, malah kewajiban itu dipikul sama oleh masyarakat islam seluruhnya. Teknologi maklumat dan komunikasi yang bersifat mempermudah dan mempercepatkan adalah sebagai tools atau alat dalam penyebaran dakwah Islamiah di atas bumi ini.

Keperluan kemahiran para masyarakat, para ulama, para daie dengan alat teknologi terkini sangat tepat dalam kehidupan hari ini dimana proses penerima maklumat mestilah dilaksanakan dengan bijak. Walaupun konsep ini seolah-olah baru dikemukakan oleh Jenny Preece melalui bukunya *Human Computer Interaction*, namun perkara ini bukanlah baru dalam Islam. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

إِنَّا مَعَاشِرَ الْأَنْبِيَاءِ أَمَرْنَا أَنْ نَنْزِلَ النَّاسَ مَنَازِلَهُمْ ، وَنَكَلِمَ النَّاسَ بِقَدْرِ عَقُولِهِمْ

*“Kami para Nabi disuruh menempatkan diri masing-masing pada tempatnya dan berbicara dengan mereka menurut tingkat pemikirannya.”*⁸

c) Teknologi maklumat sebagai wasilah penyebaran dakwah

Dakwah dalam era globalisasi memerlukan para da'ie yang berfikiran positif, inovatif, kreatif dan kemahiran yang mantap dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Teknologi maklumat dan komunikasi adalah gabungan metode dakwah dan praktikal *dakwah bi hal* yang boleh digabungkan bersama melalui proses pemerolehan, penyimpanan, pemerosesan dan penyebaran maklumat melalui penggunaan teknologi komputer dan telekomunikasi.⁹

Dalam al Quran, terkandung segala-gala penjelasan, fakta dan pembuktian yang diperlukan oleh semua umat manusia. Kebenaran al Quran itu mula terungkap sedikit demi sedikit kepada golongan bukan Islam melalui pembuktian sains dan teknologi. Dalam erti kata lain, kecanggihan sains dan teknologi hanyalah berfungsi sebagai penyokong fakta sedia ada di dalam al-Quran. Jika dilihat beberapa abad dahulu, seluruh bahan kesusasteraan umat Islam berupa Al Quran, kitab hadis, kitab tafsir wujud dalam bentuk teks dan buku. Namun kini, dengan perkembangan teknologi masa kini, Al-Quran kini telah di 'digital' kan sama ada dalam bentuk cakera padat ataupun dalam bentuk aplikasi telefon pintar. Selain daripada Al Quran, kitab-kitab hadis juga telah ditukar dalam bentuk perisian. Contoh perisian hadis adalah seperti *Kutub al-Sittah* dan *Maktabah Syamillah*. Selain itu, teknologi komunikasi juga membenarkan umat Islam berinteraksi dua hala di alam maya seperti berbincang di laman sosial, forum dan sebagainya. Secara ringkasnya, teknologi komunikasi memudahkan umat Islam untuk menyebarkan agama Islam dan menarik minat orang bukan Islam untuk menganut agama Islam.¹⁰

Dalam kajian di Amerika Syarikat (AS) pada tahun 2004, 64 peratus daripada 128 juta penduduk AS menggunakan rangkaian Internet bagi tujuan keagamaan. Laporan

⁸ Al-Raghib al-Asfahani, Husain bin Muhammad. (1412H). *Mufradat fi Gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam, Cet.1, jilid 1, hlm. 35.

⁹ Saifuddin, Shaikj. *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. Hlm, 42.

¹⁰ Hilmi, Earnie Elmie, (2014), *Peranan tekno daie dalam berdakwah di era Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT)*. Hlm. 4-6.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia tentang pengguna Internet di Malaysia menunjukkan majoritinya adalah berusia antara 15 ke 19 tahun iaitu 17.9 peratus, diikuti oleh yang berumur 20 ke 24 tahun (15.7 peratus). Malah sejak peristiwa 11 Sept. 1999, Internet menjadi antara sumber utama masyarakat dunia mencari maklumat serta kefahaman tentang Islam.¹¹ Memikirkan jumlah capaian yang besar pengguna Internet terhadap rangkaian sosial seperti Facebook, Twitter, Friendster dan sebagainya, tidak hairan jika ia boleh digunakan sebagai medium penyebaran Islam yang efektif.

Namun, teknologi maklumat mengundang kepada masalah sosial yang tidak diingini. Kekadang, isu-isu soal agama, nilai dan budaya Islam dan sebagainya diketepikan. Butang kongsi (share) status dikirim tanpa mengkaji kesahihan atau keabsahan sehingga menjadikannya suatu fitnah yang dilarang dalam agama Islam. Ini adalah akibat penyalahgunaan teknologi yang ada dan merupakan masalah besar yang perlu kepada pembaikan.

Kesimpulannya, teknologi maklumat memainkan peranan yang penting dalam menjamin kehidupan yang lebih selesa. Namun begitu, kita harus memanfaatkan pengetahuan kita untuk tujuan yang positif. Mereka bukan sahaja gah daripada segi nama dan istilah tetapi perlu meninggalkan kesan yang besar dalam menjalankan amanah dakwah yang ditinggalkan oleh Nabi SAW. Para pengguna ICT perlu sentiasa memastikan kesahihan sesuatu berita sebelum menyebarkannya melalui 'menekan hanya satu butang di komputer'. Jangan pula menjadi penyebar 'emel berantai'.

ISU BIOGRAFI WANITA TIADA KEABSAHAN DALAM MEDIA SOSIAL

Kertas kerja ini memfokuskan tiga paparan fenomena 'emel berantai' atau mesej yang di'viral'kan melalui pesanan *Whatsapp* di telefon bimbit. Ketiga-tiga paparan yang dinyatakan nanti, pada dasarnya berbaur islamik, dengan menggunakan perkataan seperti Tuhan, Lord, Malaikat, perkara ghaibiyat seperti timbangan pahala, syurga, neraka, sirat, malah menggunakan seolah-olah cukup sempurna sanad dan matan hadis. Mesej ini akan terus dikongsi bersama rakan, ahli keluarga tanpa menelusuri sumber yang sahih daripada al-Quran dan Hadis kerana mempercayai ianya adalah Islamik dan berbentuk nasihat. Namun, sebenarnya perkongsian ini adalah satu kesilapan masyarakat islam yang kurang peka dan kurang pendidikan Islam.

a) PAPARAN PERTAMA

Ketika Tuhan menciptakan wanita, malaikat datang dan bertanya, "Mengapa kau begitu lama menciptakan wanita Tuhan?"

Tuhan menjawab, "Sudahkah engkau melihat setiap detail yang saya ciptakan untuk wanita?"

"Dua tangannya mampu menjaga banyak anak pada saat bersamaan, punya pelukan yang dapat menyembuhkan sakit hati dan keterpurukan, dan semua itu hanya dengan dua tangan".

Malaikat menjawab dan takjub, "Hanya dengan 2 tangan? Tidak mungkin!" Tuhan menjawab, "Tidakkah kau tau, dia juga mampu menyembuhkan dirinya sendiri dan bisa bekerja 18 jam sehari."

¹¹ Nik Zainal Abidin, Nik Mohd Firdaus. MOhd Yusof, Farahwahida. Hehsan, Norshuhadah. *Aplikasi Iphone: Antara Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Media Sosial dan Sebaran Dakwah*. Sains Humanika. Hlm, 7.

Malaikat mendekat dan mengamati wanita tersebut, dan bertanya, "Tuhan, kenapa wanita terlihat begitu lelah dan rapuh? seolah-olah terlalu banyak beban baginya...."

Tuhan menjawab "Itu tidak seperti yang kau bayangkan, itu adalah air mata...."

"Untuk apa?" tanya malaikat.

Tuhan melanjutkan, "Air mata adalah salah satu cara dia mengekspresikan kegembiraan, kegalauan, cinta, kesepian, penderitaan, dan kebanggaan.... serta wanita ini mempunyai kekuatan mempesona laki-laki...ini hanya beberapa kemampuan yang dimiliki wanita."

"Dia dapat mengatasi beban lebih dari laki-laki, dia mampu menyimpan kebahagiaan dan pendapatnya sendiri....."

"Dia mampu tersenyum saat hatinya menjerit, mampu menyanyi saat menangis, menangis saat terharu, bahkan tertawa saat ketakutan.."

"Dia berkorban demi orang yang dicintainya.."

"Dia mampu berdiri melawan ketidakadilan."

"Dia menangis saat melihat anaknya adalah pemenang...."

"Dia girang dan bersorak saat kawannya tertawa bahagia..."

"Dia begitu bahagia mendengar suara kelahiran...."

"Dia begitu bersedih mendengar berita kesakitan dan kematian, tapi dia mampu mengatasinya... Dia tau bahwa sebuah ciuman dan pelukan dapat menyembuhkan luka...."

"Cintanya tanpa syarat.."

"Hanya ada satu yang kurang dari wanita, dia sering lupa betapa berharga dirinya.."

Wanita, Anda berharga dan mulia di hadapan Tuhan. Dalam kerapuhan dan kelemahanmu, Tuhan menaruh suatu kekuatan yang tidak dimiliki oleh para lakilaki. Gunakan kekuatan yang Tuhan berikan itu untuk menolong dan memberkati para laki-laki dihidupmu.

Oleh karena engkau berharga di mata-Ku dan mulia, dan Aku ini mengasihi engkau, maka Aku memberikan manusia sebagai gantimu, dan bangsa-bangsa sebagai ganti nyawamu. ~ Yesaya 43:4

b) PAPARAN KEDUA

“KEUTAMAAN WANITA:

1. Doa seorang isteri yg taat memiliki kekuatan 70 wali.
2. Isteri yg membuat minum suami tanpa diminta, pahalanya 3 x khatam Qur'an.
3. Masakan isteri yg dilakukan secara sunah dan dimakan suami beserta keluarga pahalanya semua untuk isteri dan do'a suami yg memakan masakannya menjadi do'a yg diijabah.
4. Isteri yg membangunkan suami untuk sholat atau mengingatkan sholat berjamaah di masjid pahalanya 27+1
5. Isteri yg kelelahan bangun malam karena anaknya minta susu sama dengan pahala 70x haji mabrur
6. Seorang ibu yg menyusui setiap tetes susunya senilai 200 x sholat khusus dan doanya di ijabah' (fadilah wanita)
7. Burung di udara dan malaikat dilangit akan selalu memintakan ampunan kepada Allah selama Isteri dalam keridhoan suami.
8. Bila seorang suami pulang dengan gelisah dan isteri menghiburnya maka isteri mendapatkan 10 pahala jihad.
9. Bila seorang wanita hamil sholatnya dua rekaat adalah lebih baik dari 80 rakaat sholat wanita yg tidak hamil.

10. Bila seorang wanita hamil akan mendapatkan pahala 70 tahun sholat dan 70 tahun puasa.
 11. Wanita yg mencuci pakaian suami dan anak-anaknya akan mendapat 1000 kebaikan dan akan diampuni kesalahannya, bahkan segala sesuatu yang disinari matahari memintakan ampun baginya dan Allah SWT mengangkat derajatnya 1000 tingkat.
 12. Wanita yg menyusui anaknya, maka setiap tetesan air susu tersebut akan mendapatkan 1 pahala dan apabila cukup 2 tahun menyusui maka malaikat dilangit akan mengabarkan berita bahwa SURGA wajib baginya".
 13. Apabila seorang wanita kedatangan haid maka haidnya akan menghapus dosanya.
 14. Apabila ia membaca pd hr pertama keluar haid "Alhamdulillah ala kullu halin wa astagfirullah min kullu zanbi" Maka Allah Swt akan membebaskannya dr jahanam, shirat & adzab.
 15. Setiap hari dari haidnya, Allah tinggikan dia dgn pahala 40 orang mati syahid apabila ia berdzikir.
- SUBHANALLAAH...btp sayang nya Allah Swt terhadap kaum wanita."*

c) PAPARAN KETIGA

"Rasulullah SAW bersabda: "Setiap wanita hamil yang makan buah tembikai maka anaknya akan cantik wajahnya dan baik akhlakunya."

INSTRUMENT PENYEMAKAN ISU BIOGRAFI WANITA

Pararan tersebut menyebutkan tentang kehebatan seorang wanita dengan susunan kata penuh retorik tapi mampu mengamit perasaan pembacanya atau penerima mesej tersebut. Namun apabila diteliti tentang kesahihan dan keabsahannya samada bersumberkan dari hadis sahih atau sebaliknya, maka jelas tiada didapati dalam mana-mana sumber yang boleh disandarkan kepadanya. Ini adalah bukti kesan teknologi maklumat dan komunikasi yang berbaur Islamik namun meracuni pemikiran masyarakat Islam.

Dari contoh paparan pertama yang dinyatakan sebelum ini, menggambarkan kehebatan wanita dari sudut penciptaannya, tanggungjawab dan perasaan emosinya. Namun, jika dianalisa dan ditadabbur isi kandungan Al-Quran yang terkandung di dalamnya sebanyak 30 juzuk tidak ada menyebutkan mengenai paparan di atas.

Al-Quran, sebagai sumber utama rujukan masyarakat Islam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* hanya menyebutkan asal-usul penciptaan manusia bermula dari penciptaan Adam *'Alaihissalam* dan Hawa tanpa ada menyebutkan perbezaan antara keduanya.

Terjemahannya:

Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-Mu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan dari nya) Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakn) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu. (an-Nisa : 1)

Firman Allah swt.

Dan sesungguhnya kami menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan saripati itu air mani yang disimpan (dalam tempat yang kukuh (Rahim). Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha Sucilah Allah, Pencipta Yang Paling Baik.(al-Mu'minun 12-14)

Sumber kedua dalam memastikan keabsahan dan kesahihan sesuatu maklumat adalah perlu merujuk kembali kepada Hadis Sahih yang berautoriti. Masyarakat perlu mengenali *Kutub al-Sittah* himpunan koleksi hadis-hadis Nabi oleh para ulama muktabar.

Adapun contoh paparan yang kedua merupakan riwayat-riwayat yang dibawa oleh para qusas (pencerita) bagi tujuan merangsang minat orang ramai kepada melakukan suatu amalan yang berkebakikan Namun, jika diteliti dalam kitab-kitab hadis, tidak akan menjumpai keabsahannya. Al-Jawziyyah, Ibn 'Arraq, Mula 'Ali al-Qari, al-Syaukani dan lainnya telah lama memperingatkan tentang wujudnya riwayat-riwayat sebegini. Ibn 'Arraq menyebutkan bahawa lafaz dan makna yang lemah adalah tanda bahawa sebuah hadis itu *mawdu'* atau hadis yang direka-reka. Hal seperti ini tidak wajar disandarkan kepada Baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*.

Adapun beberapa kelebihan wanita menurut riwayat yang autentik untuk dijadikan sandaran padanya, antaranya:

عن عبد الرحمن بن عوف قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إذا صلت المرأة خمسها وصامت شهرها وحفظت فرجها وأطاعت زوجها قيل لها ادخلي الجنة من أي أبواب الجنة شئت

Mafhumnya: "Jika seorang wanita menunaikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga kemaluannya dan mentaati suaminya; nescaya akan dikatakan padanya: "Masuklah ke dalam syurga dari mana- mana pintu yang engkau mahu".¹²

Kemahiran dalam bidang Ilmu Teknologi Maklumat adalah sangat diperlukan dalam dunia penyebaran dakwah dan dikenali tekno da'ie. Menurut Shaikh Mohd Saifuddin, umat islam seharusnya mengambil kesempatan kecanggihan teknologi untuk memperjelaskan kebenaran agama Islam, menambah bahan rujukan dan paparan sosio-budaya masyarakat islam melalui web dan laman portal,¹³ menggunakan beberapa aplikasi pangkalan data

¹² Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abdullah bin Muhammad (1421H/2001M), *Musnad Ahmad*, Sunt. Shu'aib al-Arna'ut, Muassasah al-Risalah, jilid 3, hlm. 199, no. hadis 1661.

¹³ Hilmi, Earnie Elmie, (2014), *Peranan tekno daie dalam berdakwah di era Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT)*. Hlm. 8

seperti pangkalan data hadis berautoriti yang tersedia di laman-laman web. Sebagai contoh laman web al-Durar al Saniyyah¹⁴ dan Islamweb yang boleh di muat turun pengguna dari android apps dan google play.

Al-Durar al-Saniyyah adalah sebuah laman web ilmiah yang dibina bukan untuk mengaut keuntungan. Antara tujuan utama pembinaannya ialah untuk menyediakan pangkalan data elektronik yang komprehensif bagi warisan baginda Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* secara menyeluruh berasaskan manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Justeru ia tidak terhad hanya bagi kemudahan proses pencarian hadis malahan merangkumi beberapa ensiklopedia ilmu lain seperti dalam bab akidah, fiqh, sejarah dan sebagainya. Ia boleh diakses melalui url <http://www.dorar.net/>.¹⁵

Beberapa cara bagi menghentikan rangkaian mesej yang tiada keabsahan didalamnya. Masyarakat yang menerima mesej, maklumat dan info yang berbaur islamik namun tiada autoriti keatasnya dari Al-Quran dan Sunnah perlu dihentikan penyebarannya. Adapun caranya menekankan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang mendalam tentang isu agama. Sebagai tambahan da'ie perlu mengukuhkan kerangka pengurusan dan pergerakan jamaah, meningkatkan kemahiran mengurus aktiviti dakwah melalui eksploitasi teknologi maklumat dan komunikasi. Perlu meningkatkan pengeluaran produk dakwah berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi serta media massa.¹⁶

DAKWAH MELALUI TEKNOLOGI MAKLUMAT BAGI PENYELESAIAN ISU BIOGRAFI WANITA

Paparan isu biografi wanita yang dibincangkan dalam kertas kerja ini meneliti dari gagasan persiapan da'ie dan masyarakat Islam untuk memperlengkapkan diri dengan ilmu kemodenan dengan mengkentalkan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi.¹⁷ Usaha dakwah perlu dipergiat menggunakan kemudahan teknologi maklumat bagi menangkis ancaman revolusi informasi, agar umat Islam dapat mengatasi masalah ini dan mengambil manfaat untuk mencapai tujuan dakwah.¹⁸

'Tekno daie' perlu dilihat sebagai satu gerakan berjemaah dengan ahlinya terdiri daripada mereka yang berpengetahuan dalam bidang agama sebagai content provider dan berpengetahuan dalam bidang teknikal sebagai "technology enabler". Dengan kata lain, 'teknodaie' sebenarnya terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang berbeza

¹⁴ Shamsu, Lilly Suzana. *Biografi Mengenai Wanita di Media Sosial: Tinjauan Autoriti dan Keabsahan*. Majlisilmu.gov.bn. Hlm. 10.

¹⁵ <http://www.dorar.net/est-site>, diakses pada 2/3/2017, dan sila lihat: Shahril Nizam Zulkipli dan Ishak Suliaman (2013), *Autoriti Hadis di Internet*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 83. Sila lihat: Shamsu, Lilly Suzana. *Biografi Mengenai Wanita di Media Sosial: Tinjauan Autoriti dan Keabsahan*. Majlisilmu.gov.bn

¹⁶ Abd Aziz Mohd Zin. 2006. *Psikologi Dakwah: Satu Pengenalan*. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek dan Othman Talib (peny). *Dakwah dan kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penenrbit Universiti Kebagsnaan Malaysia.

¹⁷ Hilmi, Earnie Elmie, (2014), *Peranan tekno daie dalam berdakwah di era Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT)*. Hlm.9

¹⁸ Ziauddin Sardar. (1996). *'Information and The Muslim World: A Strategy for The Twenty- First Century'*, diterjemahkan oleh Priyono dengan judul *Tantangan Dunia Islam Abad 21 Menjangkau Informasi*. Cet. VII. Bandung: Mizan. Hlm. 16-17).

tetapi bermatlamat sama iaitu ingin menegakkan syiar Islam yang mengajak manusia ke arah kebenaran. Ini sebagai mana hadis Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*:

«مَنْ رَأَى مُنْكَرًا فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يُعَيِّرَهُ فَلْيُعَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلْيَسْتَعِزْ بِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلْيَقُلْ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْإِيمَانِ»

Mafhumnya: *Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangan, maka sesiapa yang tidak berkuasa maka mengubahnya dengan hati dan jika tidak berkuasa membencinya dengan hati, itulah selemah-lemah iman.*¹⁹

Ciri-ciri yang perlu ada pada diri tekno daie antaranya: Mempunyai ilmu mengenai Islam sama ada mendalam atau asas. Menguasai ICT seiring dengan perkembangan teknologi. Berminat dengan teknologi. Mengikuti perkembangan teknologi khususnya ICT. Tidak menyalahgunakan teknologi bagi kepentingan diri, dan Mempunyai kod etika dan akhlak yang baik yang ditonjolkan menerusi 'produk' dakwah berasaskan teknologi yang dihasilkan.²⁰

Dalam perkembangan di alaf baru kini, teknologi maklumat (ICT) telah menjadi medium terpenting dalam komunikasi. Dilihat kepada perkembangan Internet umpamanya, perbezaan nisbah kuantiti laman web dan blog agama selain Islam, telah mengatasi bilangan web dan blog Islam itu sendiri. Justeru itu, telah menjadi tanggungjawab para Pendakwah, untuk membina lebih banyak laman web dan blog, seperti yang dilakukan oleh Dr. Yusuf al-Qardawi (<http://www.Qardawi.com>), Hasrizal Jamil (<http://www.saifhlislam.com>), dan lain-lain lagi.²¹

Terdapat banyak ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan oleh pendakwah bagi menyampaikan mesej dakwah. Sebahagian daripada aplikasi popular yang digunakan oleh pelayar Internet bagi tujuan komunikasi adalah komuniti maya, YouTube dan pembelajaran secara jarak jauh. Aplikasi ini sebenarnya boleh memanfaatkan carta penyampaian dakwah secara berkesan. Dengan menggunakan aplikasi ini, dakwah dapat disampaikan dengan lebih interaktif di samping memperluaskan sempadan penyampaian.

KESIMPULAN

Dakwah Islamiah dalam era globalisasi ini menempuh cabaran dan kesukaran menangani isu-isu penyebaran maklumat waham dan kesamaran tentang soal agama, nilai dan budaya. Kemunculan teknologi maklumat berkapasiti tinggi perlu didepani dengan implimentasi ilmu teknologi dan dakwah dengan mengenalkan aplikasi-aplikasi penyemakan melalui telekomunikasi terkini. Integrasi ilmu ini dipercayai akan menyelamatkan umat islam keseluruhannya agar tidak terus menyebarkan atau mengongsikan maklumat yang tiada keabsahannya.

¹⁹ Al-Syaukani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad bin 'Abdullah. (1993). *Nail al-Awtar*. Mesir: Dar al-Hadis. Cet.1. jil.3. hlm.361.

²⁰ Ismail, Isma Rosila. (2005) *Masa depan tekno daie di Malaysia*. Hlm 6.

²¹ Haji Baharudin, Haji Hazarudin (1997). *Uslub Dakwah Temporari: Persediaan Alaf Baru*. Hlm.62.

BIBLIOGRAFI

- Al-Raghib al-Asfahani, Husain bin Muhammad. 1412H. *Mufradat fi Gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam. Cet.1. jilid 1.
- Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abdullah bin Muhammad. 1421H/2001M. *Musnad Ahmad*, Sunt. Shu'aib al-Arna'ut. Muassasah al-Risalah.jilid 3.
- Abd Aziz Mohd Zin. 2006. *Psikologi dakwah: Satu Pengenalan*. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek dan Othman Talib (peny). *Dakwah dan kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Syaukani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad bin 'Abdullah. (1993). *Nail al-Awtar*. Mesir: Dar al-Hadis. Cet.1. jil.3.
- Carnoy, Martin. 2005. *ICT in Education: Possibilities and Challenges*. University Oberta de Catalunya.
- Hilmi, Earnie Elmie. 2014. *Peranan tekno daie dalam berdakwah di era Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT)*.
- Hidayat, A. S. 2013. *Membangun Dimensi Baru Dakwah Islam: Dari Dakwah Tekstual menuju Dakwah Kontekstual*. Jurnal Risalah, 24(2), 1–15. Retrieved from <http://ejournal.uinsuska.ac.id/index.php/risalah/article/view/10>
- Haji Baharudin, Haji Hazarudin. *Uslub dakwah temporari: Persediaan alaf baru*.
- Ismail, Isma Rosila. 2005. *Masa depan tekno daie di Malaysia*.
- Mohd Zin, Abd Aziz. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Zainal Abidin, Nik Mohd Firdaus. Mohd Yusof, Farahwahida. Hehsan, Norshuhadah. *Aplikasi Iphone: Antara Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Media Sosial dan Sebaran Dakwah*. Sains Humanika
- Saifuddin, Shaikj. *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Shamsu, Lilly Suzana. *Biografi Mengenai Wanita di Media Sosial: Tinjauan Autoriti dan Keabsahan*. Majlisilmu.gov.bn
- Shahril Nizam Zulkipli dan Ishak Suliaman. 2013. *Autoriti Hadis di Internet*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ziauddin Sarda. *Information and The Muslim World: A Strategy for The Twenty- First Century*, diterjemahkan oleh Priyono dengan judul Tantangan Dunia Islam Abad 21 Menjangkau Informasi. Cet. VII. Bandung: Mizan.